
AKAL BUDI

dalam

Sastera

Rakyat

Naratif dan

Bukan Naratif

Editor

RAHIMAH A. HAMID

NURUL FARHANA LOW ABDULLAH

Simbol Alam dalam Pantun daripada Perspektif Puitika Sastera Melayu	90
Eizah Mat Hussain • Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali • Salinah Jaafar	
Pantun Warisan Nenek Moyang sebagai Wahana Kehidupan Dahulu dan Kini	112
Siti Khariah Mohd Zubir • Nor Suhana Abd. Majid • Zarima Mohd Zakaria	
Pemikiran Melayu dalam Pantun Peribahasa daripada Perspektif Kearifan Tempatan	125
Sakinah Abu Bakar • Johari Yahya	
Persamaan Akal Budi dan Kearifan Orang Melayu dan Cina dalam Peribahasa	154
Ding Choo Ming	
Kosmologi Melayu dalam Main Teri-Makyung	169
A.S. Hardy Shafii • Nurul Farhana Low Abdullah	
Penyumbang	185
Indeks	191



Simbol Alam dalam Pantun daripada Perspektif Puitika Sastera Melayu

Eizah Mat Hussain • Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali • Salimah Jaafar

Pengenalan

Simbol merupakan satu unsur bahasa yang penting dalam menyampaikan maksud karya kepada khalayak pembaca. Makna simbol itu tersembunyi dalam kata atau ungkapan yang mempunyai makna tersurat. Penggunaan simbol-simbol tertentu bagi mewakili sesuatu makna atau idea tidak dilakukan secara sesuka hati, bahkan senario ini memamerkan masyarakat Melayu yang bijak dalam pemilihan simbol yang mempunyai unsur-unsur simbolik yang hendak disampaikan. Peirce (1960: 166) menyatakan bahawa sesuatu tanda yang kebiasaannya merujuk kepada kesatuan idea-idea umum yang mengakibatkan simbol atau lambang untuk merujuk kepada objek dan merupakan yang ketiga. Simbol merujuk kepada objek asal dengan sesuatu kawalan peraturan atau undang-undang khusus dan dikatakan bersifat arbitrari. Menurut Peirce (1960: 168) lagi, sesuatu simbol menjadi lambang yang merujuk kepada objek apabila melihat lambang tersebut. Secara mudahnya, manusia akan memahami bahawa ia telah mewakili sesuatu objek. Simbol itu pula telah diterima pakai oleh pemikiran manusia sama ada secara kelompok tertentu mahupun dalam satu masyarakat yang universal. Muhammad Affandi (1995: 4) pula menyatakan bahawa simbol didapati daripada hasil pengaruh sejarah, kehidupan seharian, kepercayaan agama dan alam sekitar. Oleh sebab itu, simbol memainkan peranan penting dalam kehidupan masyarakat Melayu.